



## **SIARAN MEDIA**

---

### **135 KOMUNITI MADANI DI NEGERI KELANTAN PERKUKUH PERPADUAN RAKYAT**

**KOTA BHARU, 24 Jun 2023** - Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini merasmikan majlis prapelancaran Komuniti MADANI peringkat negeri Kelantan sempena penganjuran Kita MADANI negeri Kelantan.

Sebanyak 135 Komuniti MADANI ditubuhkan di Kelantan melibatkan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Penyertaan keahlian Komuniti MADANI melibatkan pelbagai kaum dan etnik iaitu Melayu, Cina, India, Siam serta Orang Asli. Sempena majlis prapelancaran ini, YB Fahmi menyampaikan plak Komuniti MADANI kepada tiga wakil Ketua Komuniti MADANI sebagai simbolik penubuhan Komuniti MADANI di Kelantan.

Komuniti MADANI merupakan badan sukarela yang ditadbir urus oleh Jabatan Penerangan Malaysia dalam usaha memupuk nilai-nilai murni dan kenegaraan dalam kalangan rakyat. Sejumlah 1,878 Komuniti MADANI akan ditubuhkan secara berfasa di seluruh negara. Tiga teras utama penubuhan Komuniti MADANI adalah untuk membantu pemasaran maklumat kerajaan, mendigitalkan komuniti serta memupuk semangat perpaduan, patriotik dan kenegaraan.

Pada majlis yang sama, YB Fahmi menyampaikan Paket Perpaduan Prabayar kepada pelajar sekolah yang merupakan salah satu inisiatif Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) turut menyampaikan sumbangan kepada hampir 30 orang asnaf yang merupakan penduduk tempatan di sekitar DUN Kota Lama.

YB Fahmi juga meluangkan masa menyantuni komuniti setempat menerusi program kenduri rakyat. Program Kita MADANI yang diadakan hari ini turut disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan negeri yang menawarkan perkhidmatan kesihatan dan pergigian percuma, pendaftaran Paket Perpaduan, Jualan RAHMAH, bimbingan keusahawanan digital, program kesedaran anti-scam dan lain-lain. Hadir sama, Ketua Setiausaha KKD, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Sukari Ab Hamid; serta ketua-ketua jabatan dan agensi bawah KKD.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Kementerian Komunikasi dan Digital**